

18/09/2001

ExxonMobil kumpul dana RM76 juta bantu mangsa

KUALA LUMPUR, Isnin - Syarikat petroleum antarabangsa ExxonMobil akan mengumpulkan dana RM76 juta (AS\$20 juta) bagi membantu mangsa serangan World Trade Centre (WTC) dan Pentagon minggu lalu.

Pengerusinya, R M Kruger, berkata sebaik saja tragedi ngeri itu berlaku, syarikat induknya yang beribu pejabat di Amerika Syarikat sudahpun menghulur bantuan segera berjumlah RM19 juta bagi mengurangkan bebanan mangsa dan keluarga mereka.

Sumbangan itu diteruskan menerusi semua 600 cawangannya di seluruh dunia termasuk kiosk petrol dan anak syarikatnya yang beroperasi di hampir semua negara di dunia.

Kruger berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan cek RM20,000 bagi menaja Pertandingan Kuiz Sains Alam Semula Jadi 2001 anjuran bersama Universiti Putra Malaysia (UPM).

Cek itu disampaikan Kruger kepada Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardae di kampus univerisiti itu di Serdang, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, arahan berkenaan sudahpun dikeluarkan oleh ibu pejabat syarikat itu untuk melaksanakan usaha kutipan derma dan sumbangan orang ramai di negara ini.

"Kami amat berbesar hati dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang Malaysia bersimpati serta bersedia menghulur bantuan serta bekerjasama dalam siasatan," katanya.

(END)